

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 MAY 2016

Hubungan Malaysia-UK masuk ke tahap baharu

UM - 19/5/2016



**Mohd. Ridwan
Md. Iman**

Melaporkan dari LONDON, UNITED KINGDOM

■ LONDON 18 MEI

DATUK Seri Najib Tun Razak berpuas hati dengan hasil lawatan kerjanya ke United Kingdom (UK) yang memasuki tahap baharu perhubungan dua hala antara kerajaan dan juga pemain industri di negara ini.

Perdana Menteri berkata, melalui seminar pelaburan yang diadakan dengan para pelabur di sini, beliau dimaklumkan pihak industri dari Britain memberi respons yang amat baik mengenai ekonomi Malaysia.

"Ini bererti keyakinan pasaran global khususnya di UK masih dalam kategori positif dan saya berharap ia akan membawa kepada peningkatan pelaburan langsung luar negara, pasaran modal dan saham dalam jangka panjang serta pendek," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar hari terakhir lawatannya ke UK di sini malam tadi (waktu tempatan) sebelum meneruskan lawatannya ke Sochi, Rusia hari ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Rusia-ASEAN.

Katanya, secara umum, sentimen dalam kalangan industri atau kerajaan Britain adalah baik apabila mereka memberi pandangan dan penilaian yang sangat positif walaupun ada media yang memaparkan cerita-cerita negatif.

Beliau berkata, usaha-usaha mendekati para pelabur luar negara ini seharusnya lebih kerap di-



NAJIB TUN RAZAK melancarkan Laporan Khazanah 2015 dan Laporan Hasanah 2015 semasa hadir merasmikan Pejabat Serantau Khazanah Europe Investment Limited (KEIL) di The Shard, London, semalam. Turut kelihatan, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Azman Mokhtar (dua dari kiri) dan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Berhad, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (dua dari kanan). - BERNAMA

lakukan kerana ia dapat menambah keyakinan apabila mereka mengetahui fakta yang sebenar mengenai keadaan Malaysia.

"Saya lihat hubungan yang tradisional dengan negara seperti UK perlu diberi suntikan baharu dari semasa ke semasa," tambahnya.

Beliau berkata, hubungan itu

tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana ia mampu memberi penumpuan dan semangat baharu, seterusnya Malaysia akan berada dalam pertimbangan atau skrin radar mereka.

Menyentuh mengenai pungutan suara yang diadakan rakyat Britain pada 23 Jun ini untuk mengundi

sama ada negara itu perlu keluar atau kekal dalam Kesatuan Eropah (EU), Perdana Menteri berkata, apa sahaja keputusan yang dibuat akan beri kesan kepada UK dan pasaran global.

Katanya, Britain telah sekian lama berada dalam pertubuhan itu yang mempunyai pasaran bersaiz besar

di Eropah dan keputusan untuk keluar EU akan memberi kesan negatif kepada ekonomi mereka yang akan menjadi kurang kompetitif.

Najib sebelum itu merasmikan pembukaan pejabat Khazanah Europe Investment Limited (KEIL) yang terletak di The Shard, bangunan tertinggi di Eropah. - UTUSAN